

Utamakan perpaduan UMNO Setiap gerak jangan hampa rakyat

KOTA BARU, Sabtu.— Tengku Razaleigh Hamzah mengingatkan semua peringkat pemimpin dan ahli UMNO Kelantan menjaga dan mengutamakan perpaduan parti dalam persidangan pemilihan pucuk pimpinan Bahagian, tidak lama lagi.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan itu tidak mahu perpaduan UMNO Kelantan, yang selama ini disifatkannya sebagai batu pejal, tergugat dan pecah sehingga boleh menghancurkan matlamat perjuangan parti serta menghampakan harapan rakyat.

Beliau mahu melihat perpaduan UMNO Kelantan sentiasa teguh, tidak senang ditembusi musuh. Kalau kita jatuh kali ini, katanya, tidak mudah kita berkuasa semula di Kelantan.

Berucap di perjumpaan khas dengan para pemimpin UMNO peringkat Bahagian negeri ini, Tengku Razaleigh berkata, setiap tindakan yang hendak dibuat mestilah berhati-hati, jangan sampai memecahkan barisan dan perpaduan parti yang telah lama wujud.

"Jangan sekali-kali meruntuhkan pagar yang telah memagar pengaruh kita di

Kelantan dan jangan membocorkan apa yang telah kita siapkan supaya kita akan terus di sokong rakyat," ujarnya.

Yang perlu dititik-beratkan oleh semua peringkat pemimpin UMNO Kelantan, tegas beliau, ialah masa depan rakyat negeri ini yang sangat-sangat mengharapkan pimpinan UMNO untuk mengubah corak hidup dan ekonomi mereka.

"Ini menjadi kewajipan kita. Masa depan rakyat dan negeri Kelantan adalah perkara penting untuk kita perhitungkan bagi menghasilkan harapan seluruh rakyat," tambahnya.

"Tetapi, tidak mungkin dapat kita ja-

lankan tugas ini dengan sempurna, walaupun kuasa ada pada kita sebagai sebuah kerajaan, sebuah parti besar yang menguasai dan memegang kehidupan rakyat Kelantan, kalau kita sendiri tidak pandai menjaga rumahtangga kita," katanya.

Tengku Razaleigh juga mahu melihat UMNO Kelantan lebih berdisiplin, lebih berharmoni dan lebih bersatupadu.

Setiap perjuangan, tambah beliau, mestilah mengikut rukun-rukun yang telah kita sendiri tetapkan bagi menjaga peranan dan tanggungjawab dalam keadaan baik dan menjamin apa yang diperjuangkan bukan saja dapat dicapai, malah diredhal Allah.

Menurut Tengku Razaleigh, UMNO kini, mendapat sambutan hangat dan ramai orang tertarik untuk menyertainya. Ada orang-orang PAS masuk UMNO sesudah kita menang dalam pilihanraya di Kelantan.

"Jangan pula mereka ini menjadi subversif yang cuba hendak memecah-belahkan kita dalam UMNO," amarnya.

Turut hadir dalam perjumpaan itu Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob; Timbalannya, Datuk Hussein Ahmad; Setiausaha Barisan Nasional Negeri, Senator Haji Ariffin Salleh; dan Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Haji Mohamad Haji Ali.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia